
GARIS PANDUAN
PENCEGAHAN DAN KAWALAN PENYAKIT COVID – 19 DI PUSAT AKTIVITI
WARGA EMAS (PAWE) PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
(PKP)

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
26 JUN 2020

ISI KANDUNGAN

	PERKARA	MUKASURAT
1	Pengenalan	3
2	Tujuan	3
3	Kumpulan Sasar	4
4	Definisi	4-5
5	Prinsip Asas Pencegahan Dan Kawalan Infeksi Penyakit COVID-19	5 -6
6	Peranan dan Tanggungjawab	6-12
7	Langkah-Langkah Pencegahan dan Kawalan Yang Perlu Dilaksanakan Semasa Pengendalian Program Dan Aktiviti di PAWE	12-13
8	Pengurusan Ahli Yang Mempunyai Gejala Jangkitan Salur Pernafasan Seperti Demam, Batuk, Selsema, Sakit Tekak	13
9	Pengurusan Ahli Yang Positif Covid-19 Di Pusat Aktiviti	14
10	Pengurusan Kemasukan Ahli Baharu	14
11	Pengurusan Kematian Ahli Bergejala Salur Pernafasan atau Kematian Mengejut (<i>sudden death</i>)	14
12	Pengurusan Lawatan Dan Khidmat Sukarela Dengan Pihak Luar	15-16
13	Mengekalkan Kesihatan Penghuni Di Tahap Optima	16
14	Penutup	17
15	Rujukan	18
17	Lampiran	19-39
18	Infografik	

GARIS PANDUAN PENCEGAHAN DAN KAWALAN PENYAKIT COVID-19 DI PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE) PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

1. PENGENALAN

Warga emas adalah kumpulan berisiko tinggi untuk mendapat komplikasi dan kematian akibat jangkitan COVID-19 kerana faktor umur dan juga penyakit kronik. Kadar insiden COVID-19 bagi 100,000 populasi di Malaysia adalah paling tinggi bagi kumpulan umur 55 sehingga 59 tahun dan juga 60 sehingga 64 tahun. Golongan warga emas didapati agak terjejas dengan wabak COVID-19 di mana terdapat banyak kes jangkitan dan kematian berkaitan COVID-19 di kalangan kumpulan umur 60 tahun ke atas.

Garis Panduan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bagi Pencegahan Dan Kawalan Penyakit COVID-19 kepada warga emas di komuniti terutamanya di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) perlu disediakan bagi memastikan kesihatan yang optimum dan pencegahan penyakit COVID -19 kepada warga emas.

Sehubungan dengan itu, penyediaan panduan pengoperasian PAWE yang akan dilaksanakan dengan konsep kebiasaan yang baharu (*new normal*) bagi pencegahan dan kawalan penyakit COVID-19 perlu disediakan dengan berpandukan garis panduan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pengurusan PAWE bagi mencegah dan mengawal risiko jangkitan COVID-19 di PAWE, di samping memastikan kesihatan warga emas di komuniti terutamanya di PAWE kekal pada tahap optima.

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan akta-akta, surat pekeliling iktisias, surat siaran dan arahan serta peraturan berkaitan yang sedang berkuatkuasa.

3. KUMPULAN SASAR

Garis panduan ini digunapakai kepada:

- a. PAWE yang menyediakan premis kepada warga emas dan komuniti setempat bagi menjalankan aktiviti harian dan program yang dikendalikan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- b. Dokumen ini adalah sebagai rujukan untuk pengurus, jawatankuasa, petugas, ahli dan pelawat pusat aktiviti.

4. DEFINISI

a. Disinfeksi

Disinfeksi adalah proses membasmi kuman daripada permukaan yang berpotensi tercemar.

b. Dekontaminasi

Proses disinfeksi yang dilakukan pada semua peralatan yang boleh diguna semula bagi memastikan ianya bebas dari pencemaran mikro orgnisma dan mengelakkan jangkitan silang.

c. Pembersihan

Pembersihan adalah proses membuang segala kekotoran yang terdapat pada permukaan yang hendak dilakukan disinfeksi.

d. Premis

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang menyediakan premis untuk melaksanakan aktiviti kepada warga emas dan komuniti setempat yang dikendalikan oleh Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

e. Kontak rapat

- i. Kontak dengan anggota kesihatan yang terdedah kepada risiko COVID-19.
- ii. Berkongsi ruang kerja / ruang belajar bersama pesakit COVID-19.

- iii. Berkongsi kenderaan bersama pesakit COVID-19.
- iv. Tinggal bersama pesakit COVID-19.

f.PUI (*Person Under Investigation*)/Orang Dibawah Siasatan

Seseorang yang mempunyai kriteria seperti berikut:

Jangkitan pernafasan akut (jangkitan pernafasan mengejut dengan sekurang-kurangnya satu gejala: sesak nafas, batuk atau sakit tekak) dengan atau tanpa demam

DAN

Berkunjung ke/tinggal luar negara dalam masa 14 hari sebelum onsets penyakit

ATAU

Kontak rapat dengan kes COVID-19 dalam masa 14 hari sebelum onsets penyakit

ATAU

Menghadiri perhimpunan/program yang berkaitan dengan cluster wabak COVID-19

5. PRINSIP ASAS PENCEGAHAN DAN KAWALAN INFEKSI PENYAKIT COVID-19

Penyediaan garis panduan ini berdasarkan kepada prinsip-prinsip asas pencegahan dan kawalan infeksi COVID-19 seperti berikut:

5.1 ELAKKAN 3S/3C

5.1.1 Elakkan Tempat Sesak (*Crowded Places*)

Mengelakkan/mengurangkan aktiviti di tempat sesak dengan mengamalkan penjarakan sosial yang selamat (sekurang-kurangnya 1 meter) setiap masa bagi pengerusi, jawatankuasa, petugas, ahli dan juga pelawat.

Elakkan jawatankuasa, petugas dan ahli PAWE berkumpul semasa aktiviti harian seperti waktu makan. Digalakkan penyediaan makanan secara bungkus atau berjadual. Sekiranya tidak dapat dielakkan, amalkan penjarakan sosial yang selamat dan amalan cuci tangan dengan sabun dan air atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*).

5.1.2 Elakkan Tempat Sempit dan Tertutup (*Confined Spaces*)

Jawatankuasa, petugas, ahli dan pelawat mengelakkan kawasan/tempat tertutup pada setiap masa.

5.1.3 Elakkan Bercakap Jarak Dekat (*Close Conversation*)

Elakkan berbual secara dekat semasa aktiviti seperti mesyuarat, urusan di kaunter dan ruang aktiviti.

5.2 AMALKAN 3 W

5.2.1 (WASH) Amalan cuci tangan yang kerap menggunakan sabun yang sesuai dan air selama 40 saat atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) sekurang-kurangnya 20 saat (**lampiran 1**).

5.2.2 (WEAR) Pengerusi, ahli jawatankuasa, petugas dan ahli yang hadir di PAWE digalakkan memakai pelitup muka (*face mask*) setiap masa untuk menghalang transmisi virus.

5.2.3 (WARN) Elak bersalaman / bersentuhan, Sentiasa mengamalkan etika batuk dan bersin (**lampiran 2**), melakukan aktiviti pembersihan dan disinfeksi di kawasan yang kerap disentuh dan penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

6.1 Peranan dan tanggungjawab pengurusan PAWE yang terdiri daripada Pengerusi dan Jawatankuasa.

Langkah pencegahan dan kawalan penyakit COVID-19 perlu dilaksanakan di PAWE. Ianya merangkumi pelaksanaan **SEBELUM, SEMASA dan SELEPAS pengoperasian** dan program di PAWE oleh Pengerusi dan Jawatankuasa seperti berikut:

6.1.1 Sebelum pengoperasian PAWE

- a. Merancang dan menyediakan pelan perancangan serta tindakan bagi pengurusan dan pengoperasian PAWE dalam pencegahan dan kawalan COVID-19 berdasarkan panduan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

- b. Menjalankan proses pembersihan dan disinfeksi atau nyahkuman keseluruhan bangunan sekurang-kurangnya sebulan sekali. Bagi tempat yang terdedah kepada kes positif COVID-19, dekontaminasi dilakukan segera dengan menggunakan cecair disinfektan/detergen yang disyorkan.
- c. Meningkatkan kefahaman, kesedaran dan latihan kepada petugas khususnya penggunaan alat pelindung seperti pelitup muka (*face mask*) serta input berkaitan pencegahan dan kawalan penyakit ini. **Pengerusi dan pengurusan PAWE boleh mendapatkan bantuan bahan pendidikan kesihatan seperti infografik di laman web KKM dan latihan bersesuaian daripada Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat.**
- d. Memastikan petugas dan ahli PAWE mengamalkan penjarakan sosial yang selamat (*social distancing*) pada setiap masa sekurang-kurangnya 1 meter semasa melaksanakan sebarang aktiviti.
- e. Meletakkan label penjarakan sosial seperti tanda jarak 1 meter di lantai seperti di ruang tamu, ruang makan dan ruang aktiviti dan sebagainya.
- f. Menggalakkan penjarakan katil ahli sekurang-kurangnya 1 meter. (jika ada).
- g. Memastikan premis PAWE sentiasa berada dalam keadaan bersih sebelum pengoperasian PAWE.
- h. Menyediakan alatan seperti berikut:
 - i) Alat perubatan seperti termometer *infrared* tanpa kontak untuk saringan suhu badan;
 - ii) Alat pelindung diri yang mencukupi seperti pelitup muka (*face mask*) sekurang-kurangnya *surgical mask 3ply*; dan
 - iii) Alatan untuk mencuci tangan yang secukupnya iaitu sabun yang bersesuaian dan air atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*).
- i. Menyediakan bahan-bahan maklumat kesihatan dan latihan berkaitan perkara berikut:

i) Aplikasi MySejahtera.

Pengerusi dan pengurusan PAWE digalakkan untuk memuat turun aplikasi MySejahtera dan mendaftar untuk mendapatkan QR code bagi setiap lokasi PAWE untuk tujuan pengesanan kontak rapat. Jika tiada, rekod keluar masuk petugas/Jawatankuasa/ahli PAWE berserta catatan suhu dan nombor telefon ke dalam buku kedatangan petugas dan ahli PAWE. Perlu merekod bilangan ahli yang sakit disebabkan gejala salur pernafasan seperti batuk, selsema, demam dan sesak nafas;

ii) Amalan penjarakan sosial yang selamat sekurang-kurangnya 1 meter;

iii) Amalan kebersihan diri yang optimum kepada pengurusan PAWE termasuk petugas dan ahli seperti amalan cuci tangan yang betul iaitu sebelum dan selepas menyediakan makanan, sebelum dan selepas makan, selepas menggunakan tandas, dan setiap kali tangan kelihatan kotor;

iv) Penggunaan dan pengurusan alat pelindung diri yang betul **(lampiran 4)**;

v) Menyediakan papan tanda/poster di pintu masuk bertujuan mengingatkan ahli atau pelawat yang mempunyai gejala penyakit, sejarah perjalanan ke luar negara, kontak dengan pesakit COVID-19 supaya memberitahu kakitangan pusat aktiviti; dan

vi) Penyediaan sudut maklumat pencegahan dan perlindungan COVID – 19 serta sudut info-info lain yang berkaitan di PAWE bagi tujuan kesedaran/ perkongsian maklumat di kalangan ahli PAWE dan maklumat kecemasan.

j. Mengemaskini maklumat perubatan ahli terutamanya yang mempunyai penyakit kronik dan mendapatkan nombor kecemasan keluarga untuk dihubungi.

k. Surat pemakluman kepada PKMD/ JKMN mengenai pengurusan PAWE (tempoh beroperasi, bilangan ahli dan bilangan ahli yang berisiko) perlu disediakan.

l. PKMD/JKMN perlu menyalurkan maklumat tersebut kepada agensi yang berkaitan jika berkaitan.

- m. Penyediaan borang Pengisytiharaan Kesihatan (**lampiran 6**) dan rekod keluar masuk premis PAWE dan dokumen yang bersesuaian.

6.1.2 Semasa Pengoperasian PAWE

- a. PAWE boleh beroperasi seperti biasa dengan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi pencegahan dan kawalan COVID-19 yang telah ditetapkan.
- b. Memastikan petugas dan ahli mengekalkan amalan kebersihan yang optimum seperti mencuci tangan dengan sabun dan air atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*).
- c. Kehadiran petugas direkodkan melalui aplikasi MySejahtera. Pengerusi perlu mendapatkan maklumat lanjut petugas yang tidak hadir bekerja disebabkan gejala salur pernafasan seperti batuk, selsema, demam dan susah bernafas. Jika ramai kakitangan yang sakit perlu maklum segera kepada Pegawai Kesihatan Daerah (PKD) terdekat.
- d. Memaklumkan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) terdekat dengan segera jika terdapat ahli dianggap *PUI* (orang di bawah siasatan). Pejabat Kesihatan terdekat akan membuat siasatan lanjut samada untuk ujian saringan COVID-19, rujukan ke hospital dan menjalankan kontak rapat dengan PUI (*contact tracing*).
- e. Memastikan Kesihatan ahli yang optimum.

Kebolehpulihan dan prognosis bagi sembuh jangkitan COVID-19 adalah lebih baik sekiranya rawatan dimulakan awal, justeru amat penting bagi kumpulan warga emas untuk mendapatkan rawatan SEGERA walaupun hanya mempunyai gejala ringan seperti demam, batuk, selesema atau sakit tekak. Adalah menjadi tanggungjawab pengerusi memastikan ahli yang datang beraktiviti di PAWE:

- i) Memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera untuk tujuan pengesanan kontak rapat.
- ii) Disaring suhu badan dan gejala penyakit COVID-19 sebelum memasuki premis PAWE.
- iii) Mengisi borang Pengisytiharaan Kesihatan/imbas kod QR MySejahtera.
- iv) Mendapat rawatan segera di fasiliti kesihatan terdekat jika tidak sihat.

- v) Memberikan ingatan kepada ahli untuk mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 semasa berada di PAWE/ melakukan aktiviti PAWE.
- f. Melaksanakan proses pembersihan dan disinfeksi premis dengan kerap dan menyediakan kemudahan dan alatan yang mencukupi untuk mencuci premis seperti cecair nyahkuman/detergen.
- g. Semua ahli yang telah disaring dan didapati normal serta boleh mengikuti aktiviti perlu diberi pelekat hijau dengan tulisan suhu badan atau apa-apa cara yang bersesuaian.
- h. Memastikan cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) diletakkan di tempat yang mudah dilihat dan dicapai seperti kaunter, pejabat, bilik mesyuarat dan laluan ahli/peserta PAWE.
- i. Menyediakan keperluan perlindungan yang bersesuaian dan mencukupi khususnya kepada petugas PAWE yang melaksanakan tugas di PAWE.
- j. Perlu sentiasa mengingatkan semua ahli PAWE/ mana-mana orang yang datang ke premis PAWE perlu memastikan langkah-langkah perlindungan seperti pemakaian pelitup muka (*face mask*) dipakai sepanjang masa berada di premis atau sepanjang mengikuti aktiviti di PAWE.
- k. Petugas/Jawatankuasa dan ahli PAWE perlu mengamalkan tahap kebersihan diri yang optimum seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*).
- l. Petugas/ jawatankuasa dan ahli PAWE perlu mengelak daripada mengunjungi tempat tumpuan ramai dan bergaul rapat dengan mana-mana individu yang bergejala serta mengamalkan *social distancing* di kalangan ahli PAWE.
- m. Sentiasa mematuhi sebarang arahan dan prosedur pencegahan COVID-19 yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.
- n. Menyediakan jadual aktiviti secara berperingkat kepada ahli-ahli PAWE sekiranya ruang/kawasan dalam premisnya adalah terhad.

6.1.3 Selepas Pengoperasian PAWE

- a. Memastikan premis menjalankan aktiviti pembersihan setiap hari termasuk mencuci, mengelap atau menyembur permukaan peralatan yang kerap disentuh seperti pemegang pintu, suis lampu, rail tangga, mesin fotostat, telefon, sinki, kepala paip, pemegang flush tandas dan peralatan lain seperti meja dan kerusi (**lampiran 3**).
- b. Menjalankan disinfeksi secara kerap dan berkala terutamanya permukaan yang sering disentuh seperti butang lif, rel pemegang tangan, tombol pintu, dan mengdisinfeksi keseluruhan bangunan sekurang-kurangnya sebulan sekali. Bagi tempat yang terdedah kepada kes positif COVID-19, dekontaminasi dilakukan segera dengan menggunakan cecair disinfektan/detergen yang disyorkan.
- c. Mengemaskini dan memfailkan segala maklumat dan pelaporan seperti maklumat pengisytiharaan kesihatan, kedatangan petugas, ahli dan pelawat dan maklumat-maklumat yang berkaitan.

6.2 Peranan dan Tanggungjawab Petugas PAWE

- a. Petugas PAWE perlu menjalankan saringan kesihatan dengan memeriksa dan merekod suhu badan kepada ahli PAWE / mana-mana orang pada setiap hari di pintu masuk premis. Ahli PAWE yang mempunyai suhu melebihi 37.5°C tidak dibenarkan memasuki PAWE.
- b. Menjalankan saringan kesihatan iaitu saringan suhu badan dan gejala penafasan. Petugas yang mempunyai suhu melebihi 37.5 °C atau gejala batuk, selsema, sakit tekak dan sesak nafas tidak dibenarkan bekerja atau memasuki PAWE. Mereka dinasihati mendapat Aplikasi MySejahtera. rawatan segera di klinik atau hospital terdekat.
- c. Petugas digalakkan untuk memuat turun aplikasi MySejahtera dan mendaftar untuk mendapatkan QR code bagi setiap lokasi PAWE untuk tujuan pengesanan kontak rapat. Jika tiada, rekod keluar masuk petugas/Jawatankuasa/ahli PAWE berserta catatan suhu dan nombor telefon ke dalam buku kedatangan petugas dan ahli PAWE. Perlu merekod bilangan ahli yang sakit disebabkan gejala salur pernafasan seperti batuk, selsema, demam dan sesak nafas. **Jika ramai yang sakit, perlu maklum segera kepada PKD terdekat.**

Sentiasa memastikan segala langkah-langkah pencegahan dan kawalan penyakit dipatuhi.

6.3 Peranan dan Tanggungjawab Ahli PAWE

- a. Ahli PAWE yang berisiko tinggi seperti mempunyai penyakit kronik seperti komplikasi jantung dan sebagainya tidak digalakkan untuk menghadiri program/aktiviti di PAWE melainkan program/ aktiviti dari rumah sahaja.
- b. Sentiasa mengamalkan segala langkah-langkah pencegahan dan kawalan penyakit seperti penjarakan sosial, memakai penutup hidung dan mulut (*face mask*), amalan kebersihan tangan yang kerap dan menjaga kebersihan.
- c. Mana-mana ahli yang didapati suhu melebihi 37.5 °C atau gejala batuk, selsema, sakit tekak dan sesak nafas dilarang mengikuti aktiviti dan program di PAWE.
- d. Ahli PAWE digalakan untuk memuat turun dan mendaftar Aplikasi MySejahtera.

7. LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN DAN KAWALAN YANG PERLU DILAKSANAKAN SEMASA PENGENDALIAN PROGRAM DAN AKTIVITI DI PAWE

7.1 Pengurusan PAWE boleh melaksanakan pelbagai program/aktiviti, walau bagaimanapun, pengurusan PAWE perlu memastikan pematuhan syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi pencegahan dan kawalan penyakit seperti berikut:

- a. Keutamaan program adalah bagi meningkatkan kefahaman, kesedaran dan latihan kepada ahli PAWE mengenai pandemik COVID-19 khususnya bagaimana penyakit ini merebak/berjangkit dan penggunaan alat pelindung diri seperti cara penggunaan, pelitup muka (*face mask*) yang betul dan kaedah mencuci tangan yang betul. Pengurusan PAWE boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak yang berkaitan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memberi taklimat/penerangan.
- b. Memakai pelitup muka (*face mask*) pada setiap masa sepanjang aktiviti dijalankan.
- c. Pengurusan PAWE berhak untuk meminta ahli PAWE yang datang-untuk meninggalkan premis PAWE atau mengikuti sesi yang lain/akan datang sekiranya cukup had kapasiti demi mematuhi amalan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter.

- d. Pengurusan PAWE digalakkan untuk melaksanakan program/ aktiviti dari rumah bersama ahli PAWE secara maya melalui aplikasi teknologi jika berkaitan dan bersesuaian.
- e. Memastikan premis PAWE sentiasa berada dalam keadaan bersih sebelum, semasa dan selepas mengadakan aktiviti /program di PAWE.
- f. Mencuci peralatan makanan yang digunakan dengan air dan sabun pencuci sebelum digunakan semula.
- g. Membuka semua tingkap untuk pengudaraan ruang yang baik semasa aktiviti/program dilaksanakan (jika berkaitan).

7.2 Aktiviti yang perlu dielakkan dan tidak digalakkan seperti berikut:

- a. Aktiviti secara berkumpulan yang besar, walaubagaimanapun jika perlu, laksanakan aktiviti dalam kumpulan kecil. Bilangan peserta dalam kumpulan kecil bergantung keluasan lantai dengan mengamalkan penjarakan sosial yang selamat sekurang-kurangnya 1 meter.
- b. Aktiviti yang memerlukan sentuhan di antara orang.
- c. Perkongsian peralatan makanan dan penjagaan diri semasa aktiviti dijalankan di PAWE.
- d. Penganjuran sebarang aktiviti berskala besar adalah tidak dibenarkan sama sekali sehingga tempoh yang dibenarkan dan akan diberitahu kelak oleh Kerajaan.
- e. Mengadakan aktiviti luar seperti aktiviti lawatan, perjalanan dan penyertaan dalam acara luaran untuk mengurangkan risiko pendedahan.
- f. Aktiviti yang tidak sesuai untuk penjarakan sosial yang selamat, contohnya perkongsian bahan pengajaran dan peralatan serta permainan.

8 PENGURUSAN AHLI YANG MEMPUNYAI GEJALA JANGKITAN SALUR PERNAFASAN SEPERTI DEMAM, BATUK, SELSEMA, SAKIT TEKAK

- 8.1 Mana-mana ahli yang didapati suhu badan melebihi 37.5 °C atau gejala batuk, selsema, sakit tekak dan sesak nafas dilarang mengikuti aktiviti dan program di PAWE dan diarahkan pulang dan mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan yang berhampiran.

9 PENGURUSAN AHLI PAWE YANG POSITIF COVID-19

- 9.1 Jika ahli disahkan positif COVID-19, pengerusi/petugas mesti memaklumkan segera kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat mengenai aktiviti keberadaan ahli tersebut di PAWE.
- 9.2 Pejabat Kesihatan Daerah akan terlibat secara langsung dalam pengurusan kawalan COVID-19 di pusat aktiviti tersebut. Pengerusi, petugas dan ahli PAWE dinasihatkan bertenang dan menunggu arahan selanjutnya yang akan dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah. Sila patuhi arahan yang dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah.
- 9.3 Premis mesti dinyahkuman.
- 9.4 Aktiviti PAWE diberhentikan segera sehingga dibenarkan beroperasi semula oleh Pejabat Kesihatan Daerah.
- 9.5 Kemasukan ahli baharu atau pelawat tidak dibenarkan sepanjang tempoh tersebut.

Talian hotline *Crisis Preparedness Respons Centre (CPRC)*, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang terdekat (lampiran 5).

10 PENGURUSAN KEMASUKAN AHLI BAHARU

- 10.1 Semua ahli baharu PAWE perlu disaring suhu badan dan mengisi Borang Pengisytiharan Kesihatan. **(lampiran 6)**. Ahli baharu yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5c tidak dibenarkan memulakan aktiviti dan dinasihatkan mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan.

11 PENGURUSAN KEMATIAN AHLI BERGEJALA SALUR PERNAFASAN ATAU KEMATIAN MENGEJUT (*SUDDEN DEATH*)

- 11.1 Perlu melaporkan dengan segera kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- 11.2 Pastikan jenazah/mayat kekal di tempat meninggal sehingga PDRM tiba.
- 11.3 Mohon rujuk Garis Panduan Pengurusan Kematian Disyaki COVID-19 Di Luar Hospital Semasa Pandemik Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020.

12 PENGURUSAN LAWATAN DAN KHIDMAT SUKARELA DENGAN PIHAK LUAR

- 12.1 Laksanakan saringan suhu badan, mengisi borang pengisytiharan perjalanan dan pengisytiharan kesihatan untuk pelawat di semua PAWE (**lampiran 6**).
- 12.2 Pelawat digalakkan memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera.
- 12.3 Pelawat tidak dibenarkan masuk jika ada:
- Sebarang gejala penyakit jangkitan saluran pernafasan seperti demam, selsema, batuk, sakit tekak atau sesak nafas; atau suhu badan melebihi 37.5°C.
 - Sejarah perjalanan ke luar negara atau ada kaitan dengan kluster COVID-19 dalam tempoh 14 hari bermulanya gejala.
 - Kemungkinan kontak rapat dengan sesiapa yang positif COVID-19 dalam tempoh 14 hari sebelum bermulanya gejala.
 - Kemungkinan kontak rapat dengan sesiapa yang telah diuji untuk COVID-19 melainkan keputusannya negatif.
- 12.4 Pelawat mengimbas QR kod MySejahtera atau jika tiada, rekod butiran perhubungan semua pelawat supaya memudahkan pengesanan kontak jika diperlukan.
- 12.5 Pelawat perlu membersihkan tangan dengan menggunakan air dan sabun atau cecair pembasmi kuman sebelum memasuki dan selepas meninggalkan PAWE.
- 12.6 Pelawat mesti memakai pelitup muka (*face mask*) sebelum memasuki pusat aktiviti.
- 12.7 Menyediakan papan tanda/poster di pintu masuk bertujuan mengingatkan pelawat yang mempunyai gejala penyakit, sejarah perjalanan ke luar negara, kontak dengan pesakit COVID-19 supaya memberitahu kakitangan pusat aktiviti.
- 12.8 Dalam keadaan yang tidak diingini di mana pelawat didapati positif atau jika terdapat sejarah perjalanan atau risiko terdedah hanya diketahui selepas pelawat pulang, semua petugas dan ahli yang ada kontak rapat atau telah bersentuhan dengan pelawat tersebut perlu dimaklumkan segera untuk terus mengisolasi diri di rumah masing-masing, dan premis PAWE tersebut hendaklah dinyahkuman. Pejabat Kesihatan**

Daerah terdekat perlu dimaklumkan dengan segera. Petugas dan ahli PAWE yang terlibat tidak boleh kembali ke PAWE sehingga saringan ujian COVID-19 mereka negatif dan menghabiskan 14 hari kuarantin di rumah.

12.9 Pelawat yang terdiri dari NGO, sukarelawan, pihak swasta dan orang perseorangan yang menguruskan bantuan sosial kepada pusat aktiviti:

- a. Perlu mengurangkan interaksi antara pengerusi, petugas dan ahli dengan pelawat contohnya tiada majlis penyerahan bantuan, majlis perasmian dan jamuan makan.
- b. Jika bantuan berbentuk fizikal, boleh diterima di pintu kemasukan.
- c. Kehadiran direkodkan.

12.10 Petugas-petugas luar (jika berkaitan):

- a. Perlu mengurangkan interaksi antara pengerusi, kakitangan dan ahli dengan petugas.
- b. Menyegerakan semua aktiviti/ tugas. Meminimumkan tempoh keberadaan petugas di pusat aktiviti.
- c. Kehadiran direkodkan.

13 MENGEKALKAN KESIHATAN WARGA EMAS DI TAHAP OPTIMA

Secara amnya, adalah menjadi tanggungjawab bersama memastikan kesihatan ahli PAWE di tahap optima dengan langkah-langkah berikut:

- a. Ahli digalakkan melakukan aktiviti fizikal bersesuaian secara berjadual dengan mengamalkan penjarakan sosial yang selamat.
- b. Ahli mengamalkan pemakanan yang sihat dan selamat.
- c. Bagi ahli yang mempunyai penyakit kronik, perlu dinasihati supaya temujanji dan rawatan dipatuhi; serta bekalan ubat penyakit kronik mencukupi.
- d. Ahli perlu mendapatkan rawatan SEGERA walaupun hanya mempunyai gejala ringan seperti demam, batuk, selesema atau sakit tekak.
- e. Ahli diberi sokongan sosial bagi kesejahteraan kesihatan mental.

14 PENUTUP

Garis panduan ini dapat dijadikan rujukan kepada semua Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang dikendalikan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia dalam pencegahan dan pengawalan penyakit COVID-19 pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Disediakan oleh:

Jabatan Kebajikan Masyarakat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Disemak oleh:

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia Putrajaya

15 Rujukan

- a. Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Pusat Jagaan Warga Emas Berkediaman Kerajaan, Swasta Dan Badan Bukan Kerajaan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan 19 Mei 2020, KKM
- b. Panduan Pencegahan Penularan COVID-19 Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Bagi Keselamatan Warga Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) 1 Jun 2020.
- c. Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia bertarikh 17 April 2020
- d. Annex 36 Tatacara Pembersihan Dan Disinfeksi Di Tempat Awam, Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020, Kementerian Kesihatan Malaysia
- e. Lamam Web kementerian Kesihatan Malaysia di pautan <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2274>
- f. Garis Panduan Pengurusan Kematian Disyaki COVID-19 Di Luar Hospital Semasa Pandemik Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
- g. Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020, KKM

16 LAMPIRAN 1-6

Lampiran 1: Panduan Pembersihan Tangan

Lampiran 2: Amalan Etika Batuk Dan Bersin

Lampiran 3: Tatacara Pembersihan Dan Disinfeksi

Lampiran 4: Penggunaan dan Pengurusan Alat Pelindung Diri Yang Betul

Lampiran 5: Senarai Talian Bilik Gerakan Daerah Setiap Negeri Di Malaysia

Lampiran 6: Borang Pengisytiharan Kesihatan

LAMPIRAN 1: PANDUAN PEMBERSIHAN TANGAN

Pembersihan tangan yang efektif adalah amalan yang paling berkesan dalam mengurangkan penyebaran mikro organisma.

1. Tanggalkan semua barangan perhiasan seperti jam tangan, cincin sebelum prosedur mencuci tangan.
2. Basuh tangan dengan bahan pencuci tangan seperti sabun dan air atau *hand sanitizer* berasaskan alkohol/tanpa alkohol (mengikut kesesuaian) selepas sebarang hubungan dengan rembesan pernafasan.
3. Basahkan tangan di bawah air yang mengalir.
4. Menggunakan sabun atau cecair antiseptik secukupnya; meliputi semua permukaan tangan dan jari dengan cara menggosok.
5. Bilas di bawah air yang mengalir.
6. Keringkan tangan dengan teliti dengan menggunakan tisu/tuala.
7. Tutup paip dengan menggunakan tisu/tuala tadi (mengikut jenis paip).
8. Pastikan kuku jari pendek dan jangan gunakan kuku palsu.
9. Pembersihan tangan dengan menggunakan *hand sanitizer*. Gunakan *hand sanitizer* berasaskan alkohol dalam kuantiti yang mencukupi, celupkan hujung jari selama beberapa saat, ulangi langkah di tangan sebelah dan kemudian sapu pada kedua-dua telapak tangan, meliputi semua permukaan tangan dan jari, sehingga tangan kering.
10. Tujuh (7) Langkah Mencuci Tangan Yang Betul
 - a. **BASUH** tangan dengan menggunakan sabun dan air yang secukupnya.
 - b. Gosok tapak tangan.
 - c. Gosok setiap jari dan celah jari.
 - d. Gosok kuku di tapak tangan.
 - e. Gosok belakang tangan.
 - f. Basuh tangan dengan air bersih secukupnya.
 - g. Keringkan tangan dengan kain/tisu bersih.

LAMPIRAN 2: AMALAN ETIKA BATUK DAN BERSIN

Batuk/bersin boleh menjadi penyumbang kepada penyebaran organisma. Etika batuk/bersin perlu diamalkan bagi mencegah penyebaran organisma yang boleh menyebabkan transmisi penyakit.

1. Etika Batuk

- a. Pakai pelitup muka (*facemask*) jika anda bergejala.
- b. Tutup mulut dan hidung dengan siku atau tisu semasa batuk atau bersin.
- c. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah.
- d. Cuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) selepas batuk atau bersin.

2. Panduan Pemakaian *Surgical Mask 3-Ply*

Untuk melindungi mulut dan hidung dari jangkitan mikro organisma bawaan Udara.

- a. Perlu dipakai oleh kakitangan yang berisiko (merawat penghuni yang sakit)
